

LBS CATAT PRESTASI KUKUH BAGI Q3FYE2025 DENGAN PERTUMBUHAN HASIL SEBANYAK 19.8%

Momentum jualan kekal kukuh dengan jualan belum dibil sebanyak RM1.34 bilion (berakhir 31 Oktober 2025), sekali gus memberikan jangkaan pendapatan jangka panjang

Petaling Jaya, 28 November 2025 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, mengumumkan keputusan kewangan tidak diaudit bagi suku ketiga berakhir 30 September 2025 (“Q3FYE2025”), yang menggariskan pelaksanaan projek yang kukuh sambil mengekalkan momentum pertumbuhan berpandukan Strategi 8 x 8.

Bagi suku tahun di bawah tinjauan, Kumpulan mencatat hasil berjumlah RM452.3 juta, peningkatan sebanyak 19.8% berbanding RM377.4 juta bagi suku yang sama tahun lalu. Segmen pembangunan hartanah, kekal sebagai penyumbang hasil terbesar Kumpulan pada 94.8% daripada jumlah keseluruhan, dengan rekod peningkatan sebanyak 18.1%, kepada RM428.5 juta daripada RM362.8 juta, sekali gus memacu pertumbuhan hasil keseluruhan. Sehubungan itu, bagi operasi berterusan, LBS mencapai peningkatan sebanyak 6.1% dalam keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATMI”) kepada RM29.3 juta berbanding RM27.6 juta pada Q3FYE2024. Dari sudut perbandingan suku ke suku tahunan, aktiviti pembangunan yang sedang berjalan dalam projek-projek meningkatkan hasil PATMI Kumpulan bagi Q3FYE2025 masing-masing sebanyak 46.0% dan PATMI sebanyak 8.1%.

Bagi tempoh sembilan (9) bulan pertama tahun kewangan ini, LBS mencatatkan PATMI daripada operasi berterusan berjumlah RM84.6 juta dengan hasil sebanyak RM1.1 bilion. Prestasi ini didorong terutamanya oleh projek pembangunan yang sedang berjalan termasuk KITA @ Cybersouth, LBS Alam Perdana, Prestige Residence dan projek-projek Idaman.

Tan Sri Dato’ Sri Ir (Dr.) Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS berkata, “Keputusan kewangan Kumpulan disokong oleh momentum jualan yang berterusan. Permintaan yang tinggi

terhadap unit kilang boleh diubahsuai dan separa berkembar di Alam Perdana Industrial Park, jualan memberangsangkan daripada projek kediaman kos mampu milik bertingkat, Idaman Perdana, serta sumbangan signifikan daripada Centrum Iris, sebuah projek pembangunan bercampur, meningkatkan jualan keseluruhan secara ketara. Selain daripada jualan yang kukuh, kami terus proaktif dengan memperkenalkan produk industri baharu di Alam Perdana Industrial Park dan berjaya melancarkan KITA Avenue Square, pembangunan komersial pertama di KITA @ Cybersouth, yang menerima sambutan yang menggalakkan.”

“Prospek pertumbuhan jangka panjang Kumpulan kekal kukuh melalui projek-projek utama yang bakal dilaksanakan, termasuk perbandaran Kwasa Damansara dan usaha sama dengan Oriental Berhad di Klebang, Melaka bagi pembangunan industri bercampur bersepadu. Inisiatif ini akan memperkukuh kedudukan Kumpulan di koridor pertumbuhan utama di seluruh Malaysia. Selain itu, berpandukan Strategi 8 x 8, kami baru-baru ini melupuskan sebahagian tanah di Johor bagi meningkatkan nilai aset tersebut dengan lebih baik”, tambah beliau.

~Tamat~